

**NO. SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7180**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil bagi menyekat sebaran pengaruh kumpulan Negara Islam di Iraq dan al-Sham (ISIS) dalam negara ini dan tindakan undang-undang yang diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti ISIS.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Kementerian melalui Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah dan sedang menjalankan kerjasama yang rapat dengan agensi risikan asing untuk menyekat pengaruh kumpulan pengganas ini dari menular di dalam negara. Kerjasama ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di samping pertukaran maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.**

**Di antara platform undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti kumpulan pengganas ini adalah dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) 2012, Kanun Keseksaan 1950, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) dan Akta Pertubuhan 1966.**